

Banduan salah guna dadah dipenjara dan diawasi polis

MIRI: Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan ke atas seorang banduan yang mengaku bersalah atas tuduhan terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh jatuh hukuman.

Mohamed Zulfikar Mohamed Marzaman, 43, dari Kampung Kuala Lama, Mukah, telah didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan

dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952, jika sabit kesalahan.

Terdahulu menurut keteterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh pada jam 12.25 tengah hari, 6 Julai lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik

Daerah Miri.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang kini sedang menjalani hukuman penjara atas kesalahan lain, merayu agar hukuman ke atasnya diringankan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy.

Justeru tertuduh yang tidak diwakili peguambela turut diperintahkan menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun.